

**Mahkamah Kekalkan Kemenangan BN Di Kawasan Parlimen Pulai, Tebrau  
Bernama  
30 Julai, 2013**

JOHOR BAHRU, 30 Julai (Bernama) -- Mahkamah Pilihan Raya di sini hari ini mengekalkan kemenangan Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Parlimen Pulai dan Parlimen Tebrau selepas menolak petisyen yang difailkan PAS dan PKR.

Hakim Dr Prasad Sandosham Abraham turut mengekalkan kemenangan PAS bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Puteri Wangsa selepas menolak petisyen yang difailkan BN.

Beliau menolak kesemua petisyen itu dengan kos.

Abraham menolak petisyen itu atas alasan kesemua pempetisyen gagal mematuhi peraturan penyampaian selain kandungan petisyen yang terlalu umum.

Bagi kawasan Parlimen Pulai, Abraham mengarahkan pempetisyen yang difailkan PAS membayar kos RM10,000 kepada responden pertama iaitu anggota Parlimennya Datuk Nur Jazlan Mohamed manakala RM25,000 masing-masing kepada responden kedua iaitu pegawai pengurus bahagian pilihan raya Parlimen Pulai dan responden ketiga Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Bagi Parlimen Tebrau, mahkamah mengarahkan pempetisyen yang difailkan PKR membayar kos RM10,000 kepada responden pertama iaitu anggota Parlimennya Khoo Soo Seang manakala RM25,000 masing-masing kepada responden kedua iaitu pegawai pengurus bahagian pilihan raya Parlimen Tebrau dan responden ketiga SPR.

Pada pilihan raya umum lepas, Nur Jazlan menewaskan Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub dengan majoriti 3,226 undi manakala Khoo menewaskan calon PKR Choong Shiau Yoon dengan 1,767 undi.

Sementara itu, mahkamah turut mengarahkan pempetisyen yang difailkan BN membayar kos RM10,000 kepada responden pertama iaitu Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Puteri Wangsa Abdullah Hussin manakala RM25,000 masing-masing kepada responden kedua iaitu pegawai pengurus bahagian pilihan raya DUN Puteri Wangsa dan responden ketiga SPR.

Abdullah yang mewakili PAS pada pilihan raya umum lepas menewaskan calon BN, M. Soorianarayanan dan Bebas dengan majoriti 3,469 undi.

BN pada ketiga-tiga prosiding petisyen itu diwakili peguam Syed Faizal Syed Abdullah dan Mohd Reza Abu Hassan.

PAS pula diwakili peguam Rohana Ramli dan Firdaus Masod, PKR diwakili peguam Ranjit Singh dan Razlan Hadri manakala Peguam Kanan Persekutuan S. Narkunavathy mewakili responden kedua dan ketiga.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=967197>

